

Bertemu mesra di tayangan filem anjuran PERTAMA

TAYANGAN Perdana filem **NORIKO** di panggung Cathay, Kuala Lumpur semalam memberi kesempatan kedua beradik ini bertemu — Datin Seri Dr.Siti Hasmah (sebagai Penaung) dan adiknya, Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali.

Mereka hadir sebagai tetamu khas untuk menyaksikan tayangan filem anjuran Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) untuk mengisi tabung Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM).

Kelihatan dari kiri : Datuk Haji Ahmad Razali, Datin Seri Dr.Siti Hasmah, Puan Siti Bidayah Ahmad (Ketua Satu PERTAMA) dan Datin Paduka Zaleha Ismail (Pengerusi MKKM) sejurus sebelum menyaksikan filem tersebut.

